

KEMUKJIZATAN AL-QURAN DARI SUDUT BAHASA

Oleh:
Ahmad Mujahideen b. Hj. Yusoff¹

Abstrak

Al-Quran adalah kalam Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Nabi S.A.W. yang mengandungi pelbagai mukjizat. Di antara kemukjizatannya ialah dapat dilihat pada aspek bahasanya. Oleh itu, tujuan artikel ini ialah untuk menyingkap kemukjizatan al-Quran dari aspek bahasa bagi memperlihatkan keindahan dan keunikan bahasanya. Artikel ini adalah berbentuk sebuah kajian kualitatif sepenuhnya. Hasil dapatan dari artikel ini ialah dapat membuktikan kemukjizatan al-Quran dan kebenaran risalah yang dibawa oleh junjungan besar Nabi S.A.W. yang memaparkan keunggulan dan kehebatan susunan al-Quran yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapa serta melangkaui kemampuan akal manusia dan sekaligus dapat membuktikan bahawa ianya adalah kalam Allah S.W.T..

Kata Kunci: *Kemukjizatan, al-Quran, Bahasa*

PENGENALAN

Bahasa al-Quran merupakan satu aspek *i'jāz* yang paling utama sebelum diselami kemukjizatannya dari aspek-aspek yang lain. Al-Quran diturunkan melalui bahasa Arab yang mengandungi unsur sastera yang sangat tinggi mutunya. Ketinggian mutu sastera ini meliputi pelbagai aspek, antaranya kaya dengan perbendaharaan kata-kata, padat dengan makna yang dikandung, penyusunan redaksi yang menakjubkan dan terdapat keseimbangan-keseimbangan yang sangat serasi antara ayat-ayat yang digunakan.² Sejarah telah membuktikan bahawa perkara pertama yang dilihat oleh para sasterawan Arab di awal penurunan wahyu ialah

¹ Ahmad Mujahideen b. Hj. Yusoff, pensyarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan dan calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Kelantan.

² Hasbi al-Shiddiqi (1966), *Mu'jizat al-Qur'an*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 36.

ketinggian bahasa al-Quran yang mengatasi kehebatan sastera mereka kerana al-Quran diturunkan pada masa bangsa Arab berada pada kemuncak dan kegemilangan serta kemajuan bahasa, baik dengan kemunculan sasterawan, pemidato, penyair dan pujangga.³ Oleh itu, mereka cuba menentang al-Quran dari sudut bahasa bagi tujuan untuk menandingi al-Quran, namun mereka tidak berjaya, lidah mereka menjadi kaku dan kelu apabila melihat keindahan bahasa yang digunapakai dalam al-Quran.⁴

Hal tersebut membuktikan dan mengukuhkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah pesuruh Allah S.W.T. serta al-Quran itu adalah kalam Allah dan bukan ciptaan atau ucapan Nabi Muhammad S.A.W..⁵ Akhirnya mereka terpaksa akur dan tunduk kepada kehebatan bahasa al-Quran yang penuh dengan keindahan dan iramanya yang mempersonakan serta mampu menggetarkan jiwa dan memberi kesan terhadap pendengarnya. Artikel ini dimulai dengan pengenalan, kemudian dijelaskan pengertian *i'jāz* al-Quran dari sudut bahasa dan istilah, pandangan sarjana mengenai *i'jāz*, bahasa Arab dan al-Quran serta cabarannya, keindahan *naẓm* dan gaya bahasa al-Quran yang menjelaskan tentang *hurūf zā'idah*, *al-tanāsūq* dan *al-fāsilah*, *al-tarāduf*, *fawātiḥ al-suwar*, *ishtirāk al-lafz*, *al-kināyah*, *al-tashbīh*, *al-isti'ārah*, *al-mushākalah*, *al-jinās*, *al-amthāl* dan seterusnya *al-ḥadhf* yang menerangkan tentang peringatan dan kegembiraan serta ketakutan dan kesamaran dan diakhiri dengan penutup.

PENGETERIAN *I'JĀZ* AL-QURAN DARI SUDUT BAHASA DAN ISTILAH

Perkataan *i'jāz* adalah merupakan kata terbitan dari kata kerja *a'jaza* (أعجز) yang diambil dari kata dasar '*ajaza* (عجز). Dengan merujuk kepada beberapa kamus Arab, kata kerja *a'jaza* (أعجز) membawa kepada beberapa maksud; iaitu *al-ḍa'f* (الضعف) yang membawa erti kelemahan, *al-sabq* (السبق) yang membawa erti mendahului dan *muakhhkhir al-shay'* (مؤخر الشيء) yang membawa erti di hujung sesuatu.⁶ Ia juga membawa makna untuk

³ Rosmawati Ali (2010), *Pengantar Ulum al-Quran*, Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd., h. 35.

⁴ Mannā' al-Qaṭṭān (2000), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, h. 273.

⁵ Rosmawati Ali (2010), *op. cit.*, h. 36.

⁶ Al-Ḥusayn b. Muḥammad al-Rāghib al-Aṣfahānī (1997), *Mufradāt Alfāz al-Qur'ān*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 547. Lihat juga Muḥammad b. Mukarram b. Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1993), *Lisān al-'Arab*, j. 9, Bayrūt: Mua'ssash al-Tārikh al-'Arabī, h.

menetapkan ketidakmampuan untuk mendatangkan sesuatu yang menyamainya (al-Quran) apabila dicabar.⁷ Akan tetapi perkataan *i'jāz* tidak terdapat dalam al-Quran mahupun dalam hadis-hadis Nabi S.A.W.. Namun begitu, perkataan yang lahir dari kata dasar '*ajaza* (عجز) telah disebut sebanyak 26 kali dalam al-Quran. Walaupun terdapat pelbagai maksud bagi perkataan *al-i'jāz* dari sudut bahasa, namun begitu kesemunya menjurus kepada maksudnya yang utama iaitu *al-ḍa'f* (الضعف) yang membawa erti kelemahan atau yang melemahkan.⁸

Apabila al-Quran itu diterima sebagai kalam Allah S.W.T., maka benarlah kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. serta risalah yang dibawa oleh Baginda S.A.W.. Ini ditegaskan oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya:

﴿الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ
وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ وَالْحَصْنَتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ
الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ
غَيْرِ مُسْفِحِينَ وَلَا مَتَّخِذِي أَحْدَانٍ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ
حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٤٨﴾﴾

(Al-Māidah 5: 48)

Dan Kami turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib

57 dan Muḥammad b. Abī Bakr al-Rāzī (1995) *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, Bayrūt: Maktabah Lubnān, h. 467.

⁷ Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1998), *Manāhil al-'Urfān fī 'Ulūm al-Qur-'ān*, Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 573.

⁸ Md Nor Abdullah (2009), *Haiwan dalam al-Quran al-Karim: Tinjauan Aspek Etimologi Bahasa dan Mukjizat*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 2-3.

diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki, nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu, berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.⁹

I'jāz dari sudut istilah bermaksud sesuatu yang mempunyai kekuatan serta kelebihan yang sukar ditandingi oleh seseorang.¹⁰ Menurut al-Ṭaḥānawī, *i'jāz* ialah merujuk kepada sesuatu perkara yang menyalahi kebiasaan dari perbuatan ketidakberkesanan atau perbuatan yang dikaitkan dengan cabaran serta tidak mampu ditentang.¹¹ Faḍl Ḥasan 'Abbās pula menyatakan, *i'jāz* ialah keunikan al-Quran yang melemahkan manusia untuk mendatangkan seumpamanya.¹² Manakala al-Qaṭṭān pula berpendapat *i'jāz* adalah untuk membuktikan kebenaran Nabi Muhammad S.A.W. dalam menyampaikan risalah Islam dan menyatakan kelemahan orang-orang Arab untuk menandingi keunikan al-Quran.¹³ Sementara al-Khālidī berpandangan *i'jāz* ialah ketidakmampuan orang-orang kafir untuk menentang al-Quran dan kegagalan mereka untuk mendatangkan seumpamanya walaupun mereka pakar dalam bidang bahasa dan sastera.¹⁴ Al-Jurjānī pula menjelaskan *i'jāz* dalam percakapan ialah kata-kata yang membawa kepada makna dengan cara yang *ablagh* (أبلغ) iaitu cepat, tepat dan berkesan.¹⁵

⁹ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*.

¹⁰ Md Nor Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 3.

¹¹ Muḥammad b. 'Alī al-Ṭaḥānawī (1996), *Mawsū'ah Kashshāf Iṣṭilāḥ al-Funūn wa al-'Ulūm*, j. 2, Bayrūt: Maktabah Lubnān, h. 1575.

¹² Faḍl Ḥasan 'Abbās (2006), *I'jāz al-Qur'ān al-Karīm*, 'Ammān: Dār al-Furqān, h. 27.

¹³ Mannā' al-Qaṭṭān (2000), *op. cit.*, h. 265.

¹⁴ Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī (2000), *I'jāz al-Qur'ān al-Bayānī wa Dalā'il Maṣḍarih al-Rabbānī*, 'Ammān: Dār 'Ammār, h. 17.

¹⁵ 'Alī b. Muḥammad al-Jurjānī (1405H), *al-Ta'rīfāt*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 47.

BAHASA ARAB DAN AL-QURAN SERTA CABARANNYA

Bahasa Arab adalah bahasa yang dipilih oleh Allah S.W.T. sebagai bahasa al-Quran. Ianya adalah satu bahasa yang penuh dengan keunikan sama ada yang tersurat mahupun tersirat. Umum telah menyedari kehebatan bahasa al-Quran, malah bahasa Arab menjadi lebih sempurna selepas penurunan al-Quran. Dari sumber yang satu, pelbagai ilmu telah dilahirkan termasuklah ilmu Balāghah. Kefahaman kandungan al-Quran banyak bergantung kepada kefahaman ilmu Balāghah. Al-Quran diturunkan tatkala orang-orang Arab berada dikemuncak kefasihan, keindahan gaya bahasa dan keelokan penyampaian. Maka tatkala mereka mendengar ayat-ayat suci al-Quran, mereka terpesona dan kagum, biarpun mereka daripada kalangan sasterawan, ahli bahasa, pujangga mahupun pemedato handalan. Susunan huruf al-Quran dalam satu kalimah, susunan kalimah dalam satu ayat dan kedudukan ayat dalam lingkungan ayat-ayat yang lain terserlah keindahan, kehebatan serta ketepatan bahasanya. Ini adalah bukti yang nyata bahawa bahasa al-Quran bukan bahasa pujangga seperti yang didakwa oleh orang-orang Arab Jahiliah. Ini sekaligus menjelaskan bahawa al-Quran itu datang daripada Allah S.W.T. yang Maha Bijaksana dan Maha Suci dari sebarang kelemahan¹⁶.

Orang-orang Arab enggan mengakui al-Quran itu datangnya daripada Allah S.W.T., bahkan mereka menuduh bahawa ianya adalah kata-kata manusia rekaan Nabi Muhammad S.A.W.. Mereka telah dicabar oleh al-Quran supaya mendatangkan kitab yang seumpamanya. Ternyata mereka mendapati bahawa mereka tidak mampu melakukannya. Mereka tidak mampu untuk menandingi kehebatan kalam Allah S.W.T.. Telah terpahat dalam catatan sejarah tentang kelemahan mereka dan terpalit rasa malu serta terhina¹⁷. Allah S.W.T. telah mencabar mereka selaku pemilik bahasa al-Quran dalam firmanNya yang mempunyai tiga bentuk iaitu:

- a) Mencabar mereka supaya mendatangkan sebuah kitab seperti al-Quran sebagaimana firmanNya yang berbunyi:

﴿قُلْ لِّبَنِ آجْتَمَعَتِ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ عَلَيَّ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ﴾

﴿لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا﴾

(Al-Isrā' 17: 88)

¹⁶ Shaltāgh 'Abūd (1993), *al-I'jāz al-Qur'ānī Uslūban wa Maḍmūman*, Bayrūt: Dār al-Murtaḍā, h. 115.

¹⁷ Karīm al-Sayyid Ghanīm (1995), *al-Ishārāt al-'Ilmiyyah fī al-Qur'ān al-Karīm*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 43.

Katakanlah (Wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.

- b) Mencabar mereka supaya mendatangkan satu surah seperti al-Quran sebagaimana firmanNya yang berbunyi:

﴿ وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ
وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّن دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴾

(Al-Baqarah 2: 23)

Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain daripada Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.

- c) Mencabar mereka supaya mendatangkan sepuluh ayat seperti al-Quran sebagaimana firmanNya yang berbunyi:

﴿ إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَمَلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ
كَبِيرٌ ﴾

(Hūd 11: 13)

Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: “Dia (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran itu!”. Katakanlah (wahai Muhammad): “(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya selain daripada Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.

Jelas dari cabaran-cabaran di atas dengan bermula sebuah kitab yang menyerupai al-Quran, kemudian satu surah dan akhirnya sepuluh ayat yang seumpamanya. Namun mereka tetap gagal dan tidak mampu

walaupun sepuluh ayat. Dengan konsep penggunaan bahasa al-Quran yang luar biasa ini, maka adalah mustahil bagi manusia dapat mencipta sebuah kitab seperti al-Quran.¹⁸ Ini jelas membuktikan bahawa al-Quran itu bukannya datang dari kalimah manusia lain dan bukan juga rekaan Nabi Muhammad S.A.W.. Pandangan yang menyatakan bahawa al-Quran itu adalah karangan dan rekaan Nabi Muhammad S.A.W. tidak dapat diterima oleh akal. Ini disebabkan oleh Baginda S.A.W. adalah manusia biasa di kalangan mereka, juga termasuk salah seorang dari bangsa Arab yang tidak mampu untuk menghasilkan karya yang serupa dengan al-Quran kerana al-Quran bukan kalam Nabi S.A.W. kerana ianya di luar kemampuan Baginda S.A.W.¹⁹ Bahkan apabila difikirkan logik akal, terdapat perbezaan yang nyata pada gaya bahasa setiap hadis dengan ayat al-Quran yang sering kali Rasulullah S.A.W. membacanya pada setiap kali ayat al-Quran diturunkan dan dalam waktu yang sama, Rasulullah S.A.W. mengeluarkan hadis. Sekiranya ia dari sumber yang sama, sudah tentulah terdapat kemiripan gaya bahasa al-Quran dengan gaya bahasa hadis. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah S.W.T.:

﴿ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۗ ﴾

(Al-Najm 53: 3-4)

Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Terdapat satu tuduhan yang telah dilontarkan bahawa al-Quran itu telah dicipta oleh Nabi Muhammad S.A.W. daripada seorang pemuda Nasrani yang mana para ulama berselisih pandangan tentang namanya sama ada Sabi'ah atau Yā'ish atau Bal'am. Tuduhan ini telah disangkal oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya:

﴿ وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِّسَانُ الَّذِي

يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٌّ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ﴾

(Al-Nahl 16: 103)

Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui bahawa mereka yang musyrik itu berkata: Sebenarnya dia diajar oleh

¹⁸ Taufiq Adnan Amal (2001), *Rekontruksi Sejarah al-Qur'an*, Yogyakarta: FkBA.h. 346.

¹⁹ Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1998), *op. cit.*, h. 621.

seorang manusia, (padahal) bahasa orang yang mereka sandarkan tuduhan kepadanya itu ialah bahasa asing sedangkan al-Quran ini berbahasa Arab yang fasih nyata²⁰.

Daripada Ibn ‘Abbās: al-Walīd bin al-Mughīrah telah datang kepada Rasulullah S.A.W., lalu Rasulullah S.A.W. membaca kepadanya al-Quran seolah-olah ayat al-Quran itu telah melemahkannya (jiwa) sehingga berita itu sampai kepada Abū Jahal. Lalu Abū Jahal datang kepadanya seraya berkata:

“Wahai bapa saudaraku, sesungguhnya kaummu telah mengumpulkan harta untuk diberikan kepadamu” (supaya beliau menafikan kebenaran Rasulullah S.A.W.). Jawab al-Walīd b. al-Mughīrah: “Demi Allah tiada dari kalangan kamu yang mengetahui syair lebih daripadaku. Aku bersumpah tiada persamaan apa yang dikatakannya (Muhammad) dan aku bersumpah sesungguhnya al-Quran itu penuh keindahan, ianya tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya. Kata Abū Jahal: “Demi Allah, kaummu tidak akan redha sehingga kamu menafikannya (kebenaran). Jawab al-Walīd b. al-Mughīrah: “Biar aku berfikir”. Tatkala berfikir lalu dia berkata: “Inilah sihir yang menyihirkan orang lain”.

Maka turunlah ayat yang berbunyi:

﴿ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا﴾

(Al-Muddaththir 74: 11)

(Jangan Engkau bimbang wahai Muhammad) biarkanlah Aku sahaja membalas orang (yang menentangmu) yang Aku ciptakan dia (dalam keadaan) seorang diri (tidak berharta dan anak pinak).²¹

²⁰ Mannā’ al-Qaṭṭān (2000), *op. cit.*, h. 45.

²¹ Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Ḥākīm al-Naysābūrī (1990), *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn, Kitāb al-Tafsīr, Tafsīr Sūrah al-Muddaththir*, no. h. 3872, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 550. Imām al-Ḥākīm dan Imām al-Dhahabī mengatakan hadis ini sah mengikut syarat al-Bukhārī.

KEINDAHAN NAẒM DAN GAYA BAHASA AL-QURAN

Al-Quran adalah mukjizat yang agung. Gaya bahasanya adalah bahasa Arab yang mempunyai keistimewaan tiada tandingan yang tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain. *I'jāz* al-Quran merangkumi sudut suara, susunan, gaya bahasa dan lain-lain yang berkaitan dengan sistem bahasa. *Al-Naẓm* dan gaya bahasa adalah dua perkara yang berkaitan dan tidak dapat dipisahkan. Dengan melihat kepada *naẓm* al-Quran, kita dapat mengenalpasti gaya bahasanya. Al-Qāḍī al-Jurjānī menjelaskan bahawa *al-naẓm* daripada segi bahasa ialah susunan permata pada rantainya. Dari segi istilah pula, ia bermaksud susunan perkataan dan ayat yang membawa kepada makna yang tersusun serta sesuai dengan maksud yang dikehendaki oleh akal.²²

Al-Naẓm (النظم) di sisi 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī pula ialah perkaitan antara perkataan-perkataan dalam satu ayat dan setiap perkataan tersebut berfungsi dengan wujudnya perkataan yang lain.²³ Beliau juga berpendapat bahawa amat penting disatukan makna perkataan-perkataan dalam satu ayat bagi menguatkan ikatan antara satu dengan yang lain dan menjadikan sesuatu ayat itu dijiwai sebagai satu makna.²⁴ Rahsia kemukjizatan *naẓm* al-Quran terletak pada tiga aspek iaitu bunyi atau intonasi, perkataan dan ayat.²⁵ Kesemua aspek tersebut didatangkan oleh Allah S.W.T. dengan cara yang tidak dapat ditandingi oleh manusia. *Naẓm* al-Quran berbeza-beza dari segi perkataan dan susunannya serta bersesuaian dengan kaedah iaitu kesesuaian perkataan, susunan perkataan dan ayat dengan situasi dan keadaan. Terdapat beberapa contoh kepelbagaian *naẓm* al-Quran seperti ayat berbentuk *mu'akkadah* dan *ghayr mu'akkadah*, atau disebut sesuatu perkataan tersebut pada ayat yang lain secara *jama'*, atau sesetengahnya disebut secara *ma'rifah* dan sesetengahnya pula dengan *nakirah*. Kesemua ini terdapat kemukjizatan dan estetikanya.²⁶ Sebagai contoh, kita dapat saksikan keindahan *naẓm* al-Quran seperti contoh berikut:

²² 'Alī b. Muḥammad al-Jurjānī (1405H), *op. cit.*, h. 310.

²³ 'Abd al-Qāhir b. 'Abd al-Raḥmān al-Jurjānī (1998), *Dalā'il al-I'jāz*, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 15.

²⁴ 'Abd al-Qāhir b. 'Abd al-Raḥmān al-Jurjānī (1998), *al-Miftāḥ fī al-Ṣarf*, Bayrūt: Mua'ssabah al-Risālah, h. 77.

²⁵ Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi'ī (1997), *I'jāz al-Qur'ān wa al-Balāghah al-Nabawiyyah*: Mansūrah: Maktabah al-Fayyād, h. 165.

²⁶ Md Nor Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 13.

﴿ وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ﴿ وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ﴿ وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّهَا ﴿

﴿ وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ﴿ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَدَهَا ﴿ وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَاهَا ﴿

(Al-Syams 91: 1-6)

Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang; dan bulan apabila ia mengiringinya; dan siang apabila ia memperlihatkannya dengan jelas nyata; dan malam apabila ia menyelubunginya (dengan gelap-gelita), demi langit dan yang membinanya (dalam bentuk kuat kukuh yang melambangkan kekuasaanNya); serta bumi dan yang menghamparkannya (untuk kemudahan makhluk-makhlukNya).

Demikianlah lukisan warna dan gambaran indah dalam ayat ini sesuai dengan paparan suasana dan keadaan yang berlaku serta hubungkait ayat demi ayat yang sentiasa beriringan dan terikat di antara satu sama lain. Ungkapan ayat-ayat ini seolah-olah satu gelombang yang kelihatan bergerak ke hadapan yang menjadi begitu serasi dan indah, sesuai dengan lafaz dan maknanya. Gubahan ungkapan yang cukup indah ini membuktikan bahawa al-Quran itu adalah gubahan Allah S.W.T.yang indah, tidak dapat ditandingi dan ditiru.²⁷

HURUF ZĀIDAH

Hurūf zāidah (حروف زائدة) bermaksud huruf-huruf tambahan.²⁸ Dalam *nazm* al-Quran, semua huruf mempunyai fungsi yang penting dan tidak ada istilah “huruf-huruf tambahan” yang tidak ada fungsinya seperti dalam ilmu tatabahasa. Sebagai contoh, firman Allah S.W.T.yang berbunyi:

﴿ فِيمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ﴾

(Āli ‘Imrān 3: 159)

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau

²⁷ Sayyid Quṭb (1988), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, j. 6, al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, h. 3916.

²⁸ Abu Abdullah Hanafi Hj. Dollah (2009), *Kamus al-Khalil*, Selangor: Pustaka Ilmiah al-Khalil, h. 186. Lihat juga Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1990), *Kamus Idris al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 128.

telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu).

Para sarjana tatabahasa Arab mengatakan bahawa huruf (ما) dalam ayat tersebut adalah huruf tambahan dan tidak mempunyai apa-apa fungsi dalam *i'rāb*. Namun begitu, dalam *naẓm* al-Quran, huruf (ما) amat penting peranannya. Menurut al-Rāfi'ī, *madd* yang terdapat pada huruf (ما) dalam ayat tersebut berfungsi sebagai penguat gambaran Allah S.W.T. terhadap kelembutan Nabi Muhammad S.A.W. kepada umatnya. Sebutannya juga menunjukkan sifat Nabi S.A.W. yang bertimbang rasa dan mengutamakan umatnya dan ia tidak dapat digambarkan dengan cara lain. Pemisahan antara huruf *jarr* (ب) dengan *majrūrnya* iaitu (رحمة) juga bermaksud penekanan terhadap akal supaya dapat berfikir mengenai maksud ayat tersebut serta menarik perhatiannya terhadap nilai rahmat itu sendiri.²⁹

AL-TANĀSUQ DAN AL-FĀṢILAH

Keindahan al-Quran juga terserlah pada *al-Tanāsuq* (التناسق). Maksud *tanāsuq* al-Quran ialah kekuatan kaitan setiap perkataan dalam ayat, kesesuaian baris, kadar harakat, dengung, tempat diteruskan bacaan atau *fāṣilah*.³⁰ *Al-Faṣl* (الفصل) pada bahasa pula memberi erti berjauhan antara dua benda dan juga memberi erti putus. Pada istilah pula, ia memberi beberapa pengertian. Dalam Ulum al-Quran, *fāṣilah* bermaksud kalimah terakhir dalam sesuatu ayat al-Quran seperti kedudukan *qawāfī al-syi'r* (قوافي الشعر).³¹

Ada yang berpendapat bahawa setiap *fāṣilah* atau perkataan akhir tempat berhenti pada setiap ayat dalam al-Quran tidak memberikan apa-apa maksud atau sebahagiannya tidak mempunyai perkaitan maksud dengan ayat yang berikutnya. Mereka berpendapat bahawa *fāṣilah* dalam al-Quran adalah perkara biasa yang tiada nilai estetika. Namun begitu, Syeikh Amīn Bakrī telah menafikan dakwaan tersebut. Menurut beliau, setiap *fāṣilah* dalam al-Quran mempunyai dua peranan dalam satu masa iaitu dari aspek itonasi serta irama dan sebagai penyempurna maksud ayat. Beliau juga menambah bahawa kebanyakan ayat al-Quran berakhir

²⁹ Muṣṭafā Ṣadiq al-Rāfi'ī (1997), *op. cit.*, h. 181.

³⁰ Amīn Bakrī (1979), *al-Ta'bīr al-Fannī fī al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Shurūq, h. 185.

³¹ Muḥammad al-Ḥasnawī (2000), *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, 'Ammān: Dār 'Ammār, h. 10.

dengan huruf (أ، م، ن، و، ي). Huruf-huruf ini memberikan intonasi dan irama yang lahir daripada *makhraj* huruf yang mudah serta menghasilkan dengung yang mengasyikkan. Selain itu, *fāṣilah* juga berfungsi sebagai penyempurnaan topik yang dibincangkan dalam sesuatu ayat. Contohnya firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

﴿إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

﴿حَتَّمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشْوَةً وَلَهُمْ

عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾

(Al-Baqarah 2: 6-7)

Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar.

Fāṣilah (ولهم عذاب عظيم) didatangkan sebagai penutup dan penyempurnaan kepada topik berkaitan sikap orang-orang kafir yang terdapat dalam ayat sebelumnya³². Terdapat juga *fāṣilah* yang berakhir hurufnya dengan huruf *qalqalah* (قلقلة)³³ seperti ayat-ayat dalam surah al-Kawthar, al-Ikhlās, al-Falaq dan sebagainya. Ia bertujuan untuk memberikan maksud kekuatan, kehebatan dan keagungan melalui intonasinya.³⁴ Pandangan yang mengatakan peranan *fāṣilah* dari aspek intonasi dan irama adalah menyerupai *al-saj'u* (السجع) dalam *al-ash'ār al-'arabiyyah* (الأشعار العربية). Pandangan ini kurang tepat kerana *al-saj'u* (السجع) dalam *al-ash'ār al-'arabiyyah* (الأشعار العربية) kebanyakan kewujudannya disebabkan oleh *ḍarūrah al-syi'r* (ضرورة الشعر) dan *ḍarūrah al-awzān* (ضرورة الأوزان).

³² Amīn Bakrī (1979), *op. cit.*, h. 203.

³³ Huruf *qalqalah* ada lima sebagaimana yang dihipunkan oleh Ibn al-Jazari pada katanya (قطبجد). Lihat Qābil Naṣr 'Atīyah (1992), *Ghāyah al-Murīd fī 'Ilm al-Tajwīd*, al-Qāhirah: Dār al-Ḥaramayn, h. 145.

³⁴ Ḥamdān Naḍīr (1991), *al-Zāhirah al-Jamāliyyah fī al-Qur'ān al-Karīm*, Jeddah: Dār al-Manārah, h. 41.

AL-TARĀDUF

Al-Tarāduf (الترادف) bermaksud satu ibarat tentang penyatuan pada pemahaman. Dalam erti kata yang lain, ia bermaksud persamaan lafaz-lafaz sama erti yang menunjukkan sesuatu yang sama.³⁵ Namun begitu, persoalan *al-tarāduf* merupakan persoalan yang tidak disepakati oleh sarjana bahasa. Terdapat pendirian yang mengharuskan kewujudannya dalam bahasa dan dalam al-Quran seperti Sībawayh, al-Asma'ī, al-Rāzī, al-Zujjāj, Ibn Khalawayh dan al-Fayrūz Ābādī.³⁶ Manakala golongan yang menentang kewujudan *al-tarāduf* seperti Ibn Fāris yang mana beliau berpendapat bahawa dinamakan sesuatu benda dengan nama yang pelbagai kerana percampuran dengan nama yang asal dengan kata-kata sifatnya. Menurut beliau, setiap kata sifat mempunyai makna tersendiri dan tidak memberikan makna untuk perkataan yang lain.³⁷ Antara lain yang sependapat dengan beliau ialah al-‘Askarī, al-Tha’ālabī, al-Aṣfahānī dan Ibn al-Athīr. Menurut Dr. ‘Abd al-‘Āl, terdapat kalangan sarjana semasa yang menolak berlakunya *al-tarāduf* dalam bahasa seperti Dr. Muḥammad al-Mubārak. Beliau berpendapat bahawa *al-tarāduf* merupakan suatu kecacatan dalam bahasa. Menurut beliau, setiap perkara itu mempunyai makna yang terperinci dan berbeza dengan makna perkataan yang lain.³⁸

Golongan yang mengharuskan *al-tarāduf* menyimpulkan bahawa antara mukjizat al-Quran ialah mendatangkan pelbagai perkataan bagi menggambarkan maksud yang sama, bersesuaian dengan situasi dan keadaan serta dengan irama yang menarik dan berkesan. Antara contoh *al-tarāduf* bagi kata kerja yang terdapat dalam al-Quran ialah kata kerja *khatama* (ختم) sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

﴿خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشْوَةً وَلَهُمْ

عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾

(Al-Baqarah 2: 7)

³⁵ ‘Alī b. Muḥammad al-Jurjānī (1405H), *op. cit.*, h. 77.

³⁶ ‘Abd al-Raḥmān b. al-Kamāl al-Suyūṭī (1987), *al-Muḥḥir fī ‘Ulūm al-Lughah wa Anwā’ihā*, j. 1, Bayrūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 402.

³⁷ Abū al-Ḥusayn Aḥmad b. Fāris (1993), *al-Ṣāḥibī fī Fiqh al-Lughah*, Bayrūt: Maktabah al-Ma’ārif, h. 97.

³⁸ Salīm Makram ‘Abd al-‘Āl (2001), *al-Tarāduf fī al-Ḥaq al-Qur’ānī*, Bayrūt: Mua’sasah al-Risālah, h. 23.

Dan *ṭaba'a* (طبع) sebagaimana yang terdapat dalam firmanNya yang berbunyi:

﴿وَطَبَعَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾

(Al-Tawbah 9: 93)

Kedua-dua kalimah tersebut mempunyai makna yang sama³⁹.

Pendapat yang lebih tepat ialah tidak mengharuskan *al-tarāduf* dalam al-Quran kerana kemukjizatan al-Quran sebenarnya terletak pada penggunaan perkataan tertentu yang berbeza maksudnya dengan perkataan lain. Andaikata perkataan tersebut digantikan dengan perkataan lain, maka pincanglah makna, susunan serta kemukjizatan al-Quran. Dalam hal ini, 'Abd al-Azīm Ibrāhīm Muḥammad al-Muṭ'ī telah menukikan kata-kata Ibn 'Aṭīyah dan al-Khaṭṭābī tentang perkataan al-Quran dan hurufnya. Menurut Ibn 'Aṭīyah, sekiranya dicabut satu huruf daripada al-Quran, lalu digantikan dengan yang lain, pasti tidak akan dijumpai penggantinya. Al-Khaṭṭābī juga berpendapat sekiranya digantikan satu perkataan al-Quran dengan yang lain, nescaya rosaklah maknanya dan hilanglah *balaghah*nya.⁴⁰ 'Abbās juga menegaskan bahawa tiada *al-tarāduf* dalam al-Quran, bahkan setiap perkataan yang didakwa sebagai sinonim sebenarnya membawa maksud yang berbeza sekiranya dikaji secara mendalam.⁴¹

Di sini dibawakan contoh dua perkataan iaitu *al-maṭar* (المطر) dan *al-ghayth* (الغيث), kedua-duanya kata nama yang menunjukkan penurunan air dari awan, dan sepatutnya dua perkataan ini adalah *al-tarāduf* lafaznya dan memberi maksud yang sama. Inilah kedudukan dua perkataan ini dalam kamus bahasa. (المطر) adalah (الغيث) dan (الغيث) adalah (المطر). Adapun dalam bahasa *al-Bayān al-Qur'ānī*, perkara ini adalah berbeza. Walaupun dua perkataan tersebut memberi maksud penurunan air dari langit, al-Quran telah membezakan keduanya dengan perbezaan yang jelas. Firman-firman Allah S.W.T. yang menyebut perkataan (المطر) antaranya ialah ayat 84 dari Surah al-A'rāf, ayat 82 dari Surah Hūd, ayat 74 dari Surah al-Ḥijr, ayat 173 dari Surah al-Syu'arā', ayat 32 dari Surah

³⁹ *Ibid.*, h. 111.

⁴⁰ 'Abd al-Azīm Ibrāhīm Muḥammad al-Muṭ'ī (1996), *Dirāsah al-Jadīdah fī I'jāz al-Qur'ān*, al-Qāhirah: Maktabah Wabbah, h. 7-8.

⁴¹ Faḍl Ḥasan 'Abbās (2006), *op. cit.*, h. 165.

al-Anfāl, ayat 40 dari Surah al-Furqān dan lain-lain. Manhaj al-Quran dalam perkataan (المطر):

- a. Allah S.W.T. tidak menggunakan perkataan (المطر) melainkan pada azab dan pada kedudukan *al-intiqām* kepada penentang risalah Allah S.W.T., juga pada kedudukan kesakitan (الأذى) dan (الإبتلاء) apabila mendatangkan cerita atau berita mengenai orang-orang mukmin.
- b. Pelaku atau pembuat bagi perkataan (المطر) dan (الإمطار) hanyalah Allah S.W.T. sama ada dari segi lafaz mahupun makna.

Firman-firman Allah S.W.T. yang menyebut perkataan (الغيث).

‘Abd al-Azīm Ibrāhīm Muḥammad al-Muṭ’ī menjelaskan dalam tiga ayat di atas terdapat kalimah (الغيث) yang memberi maksud *al-najdah* dan *al-‘awn* iaitu pertolongan. Ini menunjukkan al-Quran tidak menggunakan perkataan (الغيث) melainkan pada kedudukan untuk menunjukkan nikmat dan kebaikan yang juga dikongsi perkataan air. Kebanyakan perkataan air dalam al-Quran disebut untuk menunjukkan pujian kepada Allah S.W.T. dan kurniaanNya kepada hamba. Dengan ini ia menafikan *al-tarāduf* antara dua perkataan iaitu (المطر) dan (الغيث). Adapun manhaj al-Quran pada perkataan (الغيث):

- a. Dari segi lafaz, ia menunjukkan nikmat dan kurniaan, manakala dari segi makna, ia memberi maksud pertolongan.
- b. Pelakunya hanya Allah S.W.T. dan tiada selain daripadanya⁴².

FAWĀTIḤAL-SUWAR

Fawātiḥ al-Suwar (فواتح السور) bermaksud pembuka-pembuka surah. Ia dinamakan sedemikian kerana kedudukannya yang mengawali perjalanan teks-teks sesuatu surah.⁴³ Al-Suyūṭī menyebut bahawa Ibn Abī Iṣḥāq telah mengkhususkan pembuka surah-surah al-Quran dalam buku yang diberi nama “الخواطر السوانح في أسرار الفواتح” dan kemudian beliau berkata: “Dan aku telah meringkaskan di sini apa yang dinyatakan oleh Ibn Abī Iṣḥāq dengan penambahan daripadanya. Beliau berpandangan pembuka surah-surah al-Quran hanya dalam lingkungan sepuluh usul berikut⁴⁴:

- a. Pujian: contoh (الحمد لله), (تبارك), (سبحان)- terdapat 14 surah dimulai dengan pujian kepada Allah S.W.T..
- b. Huruf (التهجي): contoh (ألم), (حم) - terdapat 29 surah.

⁴² ‘Abd al-Azīm Ibrāhīm Muḥammad al-Muṭ’ī (1996), *op. cit.*, h. 95-98.

⁴³ Muhammad Chirzin (1999), *al-Quran dan Ulumul Quran*, Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, h. 62.

⁴⁴ Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidi (2000), *op. cit.*, h. 143-144.

- c. Seruan: contoh (يا أيها الناس), (يا أيها الذين آمنوا) - terdapat 10 surah, lima surah darinya seruan kepada Rasulullah S.A.W. iaitu المزمّل، المدثر، الطلاق، التحريم، الأحزاب، lima lagi kepada ummah iaitu المائدة، النساء، الممتحنة dan الحجرات الحجت،
- d. Khabar: contoh (يسألونك) - terdapat 23 surah.
- e. Sumpah: contoh (والنجم إذا هوى) - terdapat 10 surah.
- f. Syarat: contoh (إذا جاء نصر الله) - terdapat 7 surah.
- g. Perintah: contoh (قل هو الله أحد) - terdapat 6 surah.
- h. Pertanyaan: contoh (عم يتساءلون) - terdapat 6 surah.
- i. Doa: contoh (ويل لكل همزة) - terdapat 3 surah.
- j. Pertanyaan: contoh (إيلف قريش) - satu surah sahaja.

Terdapat juga pembuka surah-surah al-Quran dimulai dengan huruf *hijāyyah*.

- a. Dimulai dengan satu huruf sahaja iaitu ن، ص dan ق.
- b. Dimulai dengan dua huruf iaitu حم dan طس، طه، يس.
- c. Dimulai dengan 3 huruf iaitu طسم dan ألر، عسق، ألم.
- d. Dimulai dengan 4 huruf iaitu ألمر dan ألمص.
- e. Dimulai dengan 5 huruf iaitu كهيعص.

Jika dihimpunkan semua huruf pembuka surah di atas, kita dapati hanya ada 14 huruf sahaja iaitu ن، م، ل، ك، ق، ع، ط، ص، س، ح، ر، أ، و dan ي. Penggunaan huruf-huruf ini telah menjadi perbincangan dan perselisihan pendapat di kalangan ulama dan ahli tafsir kerana terdapat keunikan dari segi pemilihannya. Pada hakikatnya pembuka-pembuka surah ini mempunyai nilai *i'jāz* yang tinggi bagi membuktikan kemukjizatan al-Quran. Walaupun para sasterawan arab pada ketika penurunan al-Quran berada ditahap *faṣāḥah* yang tinggi, tetapi tidak terfikir oleh mereka sebelum itu bahawa penurunan al-Quran mendatangkan surah-surah yang dimulai dengan huruf *muqatta'ah* (مقطعة).⁴⁵ Sedangkan mereka menggunakan bahasa Arab yang terdiri dari huruf *hijāyyah* yang sama dengan al-Quran. Ini menjelaskan kehebatan gaya bahasa al-Quran mengatasi kehebatan *faṣāḥah* mereka.

ISHTIRĀK AL-LAFẒ

Ini adalah sebahagian besar dari *i'jāz* al-Quran. *Ishtirāk al-Lafẓ* (اللفظ اشترك) bermaksud satu lafaz memberi lebih atau kurang dari dua puluh makna

⁴⁵ *Muqatta'ah* sama maksud dengan *hijāyyah* iaitu huruf yang bunyi ejaannya. Lihat Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1990), *op. cit.*, h. 144.

atau maksud yang berbeza.⁴⁶ Dalam bahasa Arab ia dikenali sebagai *ishtirāk al-lafz*. Contohnya lafaz (الهدى) memberikan tujuh belas makna atau maksud yang berbeza bergantung kepada kedudukannya dalam sesuatu ayat. Antaranya ia memberi maksud (الثبات) - ketetapan, (الدين) - agama, (الروح) - roh, (الصلاة) - sembahyang, (الرحمة) - rahmat, (الدعاء) - doa dan sebagainya.⁴⁷

AL-KINĀYAH

Al-Kināyah bermaksud menyebutkan sesuatu ungkapan yang dimaksudkan dengan makna lain yang bukan makna asalnya. Namun definisi yang lebih masyhur dan diterima pakai ialah pendapat al-Ḥāsyimī yang melihat *kināyah* sebagai ungkapan yang menggunakan makna tersirat, di samping harus menggunakan makna tersurat.⁴⁸ Dr. Wahbah al-Zuhailī menyatakan bahawa ayat-ayat *kināyah* dalam al-Quran berjumlah 65 ayat yang tersebar pada 44 surah.⁴⁹ Sebagai contoh sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ibn Fāris, semua kalimah (الأسف) dalam al-Quran memberi makna (الحزن) kecuali dalam firmanNya dalam surah al-Zukhruf, ayat 55: (انتقمنا فلما أسفونا) memberi makna (أغضبونا), semua kalimah (البروج) memberi makna bintang-bintang kecuali dalam firman-Nnya dalam surah al-Nisa', ayat 78: (ولو كنتم في بروج مشيدة) memberi makna mahligai panjang yang amat kukuh dan semua kalimah (البر والبحر) maksud (التراب): (البر) iaitu tanah, manakala (الماء): (البحر) iaitu air, kecuali dalam firmanNya dalam surah al-Rum, ayat 41: (ظهر الفساد في البر والبحر) memberi makna daratan dan bangunan.⁵⁰

AL-TASHBĪH

Al-Tashbīh (التشبيه) adalah sebahagian dari ilmu al-Bayān iaitu satu ilmu untuk menzahirkan, mendedahkan dan menerangkan sesuatu.⁵¹ Ia berfungsi untuk mengkaji bagaimana penyampaian makna dapat dilakukan

⁴⁶ Abd al-Rahmān b. al-Kamāl al-Suyūṭī (t.th), *Mu'tarik al-Aqrān fī I'jāz al-Qur'ān*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 514.

⁴⁷ Muṣṭafā Ṣadiq al-Rāfi'ī (1997), *op. cit.*, h. 57.

⁴⁸ Aḥmad al-Hāshimī (2008), *Jawāhīr al-Balāghah fī al-Ma'ānī wa al-Bayān wa al-Badī'*, Bayrūt: Mua'ssasaḥ al-Ma'ārif, h. 287.

⁴⁹ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 25.

⁵⁰ Muṣṭafā Ṣadiq al-Rāfi'ī (1997), *op. cit.*, h. 57.

⁵¹ Faḍl Ḥasan 'Abbās (2000), *al-Balāghah Funūnah wa Afnānuhā 'Ilm al-Bayān wa al-Badī'*, 'Ammān: Dār al-Furqān, h. 7.

dengan menggunakan pelbagai cara.⁵² Dalam *al-Mu'jam al-Wasīf* menjelaskan bahawa *al-tashbīh* adalah sama makna dengan *al-tamthīl* iaitu membawa maksud perumpamaan atau perbandingan.⁵³ *Al-Tashbīh* dari sudut istilah bermaksud perkongsian sesuatu dengan sesuatu yang lain pada makna.⁵⁴ Tujuan perumpamaan (التشبيه) dalam al-Quran adalah untuk memberi kesan kepada jiwa sama ada mengembirakan atau menakutkan.⁵⁵ Contohnya firman Allah S.W.T.yang berbunyi:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ أَخَذُوا مِنَ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنكَبُوتِ
 اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنكَبُوتِ لَوْ كَانُوا
 يَعْلَمُونَ﴾

(Al-‘Ankabūt 29: 41)

Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain daripada Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang paling reput ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan.

Ibn Qayyim al-Jawziyah menegaskan bagaimana mereka yang mengambil pelindung selain daripada Allah S.W.T.adalah seperti labah-labah yang membuat sarangnya dan sememangnya sarang tersebut amat lemah dan tidak kuat. Perbandingan ini sama dengan golongan kafir yang jauh dari realiti kebenaran dan petunjuk Allah S.W.T., mereka bukan tidak tahu bahawa sembahhan itu tidak mampu memberi manfaat atau mudharat kepada mereka sebagaimana mereka tahu sarang labah-labah adalah tempat perlindungan yang sangat lemah. Namun demikian, Allah S.W.T.sebenarnya telah menafikan ilmu mereka tentang kecenderungan mereka untuk mengambil Tuhan selain Allah S.W.T.sebagaimana labah-labah yang tetap juga membuat sarangnya sebagai tempat perlindungan.⁵⁶

⁵² Munif Zahiruddin (2004), *Balaghah Dalam Wacana al-Quran*, v. 1 (1) June, The Malaysian Journal Of Language And Communication, h. 121.

⁵³ Ibrāhīm Muṣṭafā (2010), *al-Mu'jam al-Wasīf*, j.1, al-Qāhirah: Dār al-Da'wah, h. 471. Lihat juga Muḥammad b. Abī Bakr al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 354.

⁵⁴ Muḥammad b. Sa'd al-Dīn al-Qazwīnī (1998), *al-Īdāh fī 'Ulūm al-Balāghah*, Bayrūt: Dār Iḥyā' al-'Ulūm, h. 203.

⁵⁵ Amīn Bakrī (1979), *op. cit.*, h. 195.

⁵⁶ Muḥammad b. Abī Bakr b. Ayyūb b. Qayyim al-Jawziyyah (1986), *al-Amthāl fī al-Qur'ān al-Karīm*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 14.

AL-ISTI'ĀRAH

Al-Isti'ārah (الإستعارة) juga adalah sebahagian dari ilmu al-Bayān. *Al-Isti'ārah* bermaksud penggunaan lafaz bukan pada tempat asalnya kerana ada hubungan kesamaan dan ada konteks yang menghalang makna asal.⁵⁷ Contohnya firman Allah S.W.T yang berbunyi:

﴿وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُّطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا
مِّن كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ
وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ﴾

(Al-Nahl 16: 112)

Dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur dan ingkar) Allah memberikan satu contoh sebuah negeri yang aman damai dan tenteram yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang telah mereka lakukan.

Kiasan (الإستعارة) dalam contoh ayat diatas mendorong kita untuk berfikir tentang pemilihan kalimah dalam al-Quran. Tidaklah kalimah (الأذواق) iaitu merasai lebih sesuai dipadankan dengan kalimah (الطعام) iaitu makanan? Tidaklah kalimah (لباس) iaitu pakaian lebih sesuai dipadankan dengan kalimah (الكساء) iaitu kain? Tetapi al-Quran tidak menyebut (فأذاقها) (أذاقها) atau (كساها الله لباس الجوع) (الله طعم الجوع). Pemilihan kalimah (أذاقها) menggantikan kalimah (كساها) adalah kerana ia meninggalkan kesan yang lebih mendalam ke dalam jiwa berbanding kalimah (كساها). Kalimah (أذاقها) lebih menyeluruh dan meliputi maknanya dan tiada pada kalimah (كساها). Makanan (الطعام) adalah sebahagian dari keperluan tubuh badan. Manakala pakaian lebih diperlukan untuk menutup seluruh badan. Berdasarkan hujah inilah didatangkan gaya bahasa kiasan untuk memperlihatkan keajaiban mukjizat ini.⁵⁸

⁵⁷ Aḥmad al-Hāshimī (2008), *op. cit.*, h. 258.

⁵⁸ Faḍl Ḥasan ‘Abbās (2000), *op. cit.*, h. 217.

AL-MUSHĀKALAH

Al-Mushākah (المشاكله) adalah sebahagian dari ilmu al-Badī'. *Al-Badī'* pada bahasa ialah membentuk atau memulakan sesuatu.⁵⁹ Pada istilah ialah ilmu untuk mengenali bentuk-bentuk pengindahan kata-kata dan mengharmoniskannya setelah mengambil kira persamaan dan kejelasan petunjuknya.⁶⁰ *Al-Mushākah* bermaksud setanding, serupa, lafaz yang sama tetapi berlainan makna.⁶¹ Contohnya firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

﴿وَمَكْرُؤًا وَّمَكْرَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ﴾

(Āli 'Imrān 3: 54)

Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merancangkan tipu daya (hendak membunuh Nabi Isa a.s.), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka); dan (ingatlah), Allah sebijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya.

Penyerupaan dalam ayat di atas memaparkan bagaimana satu lafaz disebut telah menyerupai satu lafaz yang lain dengan tujuan untuk menjelaskan bentuk balasan yang layak diterima dan dapat dikesan melalui zahir lafaz tersebut. Tipu daya adalah satu perbuatan yang dilarang dan sama sekali tidak layak dikaitkan dengan nama Allah S.W.T. yang Maha Suci dari segala bentuk kekurangan. Oleh itu, Allah S.W.T. menggunakan lafaz tipu daya dengan tujuan untuk menjelaskan bahawa balasan yang layak diterima oleh orang yang membuat tipu daya ialah dibalas dengan tipu daya.⁶²

AL-JINĀS

Al-Jinās (الجناس) juga sebahagian dari ilmu al-Badī'. Menurut *al-Mu'jam al-Wasīf*, *al-Jinās* bermaksud persamaan pada dua kalimah atau lebih pada setiap huruf sedangkan terdapat perselisihan pada maknanya.⁶³ Contohnya firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

⁵⁹ Muḥammad b. Mukarram b. Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1993), *op. cit.*, j. 8, h. 6.

⁶⁰ Munif Zahiruddin (2004), *op. cit.*, h. 121.

⁶¹ Abu Abdullah Hanafi Hj. Dollah (2009), *op. cit.*, h. 239.

⁶² 'Abd al-'Azīz 'Atīq (2003), *'Ilm al-Badī'*, Bayrūt: Dār al-Nahḍah al-'Arabīyah, h. 123.

⁶³ Ibrāhīm Muṣṭafā (2010), *op. cit.*, j. 1, h. 140.

﴿وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِمْ مُنذِرِينَ ﴿٧٢﴾ فَأَنْظَرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ

﴿الْمُنذِرِينَ﴾ ﴿٧٣﴾﴾

(Al-Şāffāt 37: 72-73)

Padahal demi sesungguhnya, Kami telahpun mengutus dalam kalangan kaum-kaum itu rasul-rasul pemberi amaran. Maka lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang (yang mendustakan rasul-rasul Kami) setelah diberi amaran.

Penjenisan *al-Jinās* dalam ayat di atas ialah ciri yang menyelidik keindahan bunyi dan penyebutan yang terkandung dalam ayat-ayat Balāghah. Contoh di atas menunjukkan kewujudan dua lafaz yang hampir sama dari segi sebutan tetapi berbeza dari segi makna. Lafaz pemberi peringatan dan lafaz orang-orang yang diberi peringatan adalah hampir sama dari segi sebutan dan hanya dibezakan dengan baris. Baris *kasrah* (bawah) menandakan pemberi peringatan dan baris *fatḥah* (atas) untuk orang-orang yang diberi peringatan.⁶⁴

AL-AMTHĀL

Al-Amthāl (الأمثال) adalah *jama'* kepada *al-mithl*.⁶⁵ *Al-Amthāl* bermaksud sesuatu yang disamakan atau diserupakan dengannya.⁶⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula menyatakan bahawa *amthāl* al-Quran ialah menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain mengenai perkara yang berkaitan dengan hukum.⁶⁷ Oleh sebab itu, pengertian *amthāl* dalam al-Quran ialah menunjukkan kepada makna dalam bentuk perkataan yang menarik dan padat serta mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap jiwa, sama ada berupa *tashbīh* atau sebaliknya.⁶⁸ Contohnya firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

⁶⁴ Munif Zahiruddin (2004), *op. cit.*, h. 125.

⁶⁵ Ibrāhīm Muştafā (2010), *op. cit.*, j. 1, h. 140.

⁶⁶ Mamdūh Ḥaqqī (1973), *al-Mathal al-Muqāran Bayn al-'Arabiyyāt wa al-Injlīziyyāt*. Bayrūt: Dār al-Najāh, h. 18.

⁶⁷ Muḥammad b. Abī Bakr b. Ayyūb b. Qayyim al-Jawziyyah (1986), *op. cit.*, h. 9.

⁶⁸ Mannā' al-Qaṭṭān (2000), *op. cit.*, h. 292.

﴿يَتَأْتِيهَا النَّاسُ ضُرْبَ مَثَلٍ فَاَسْتَمِعُوا لَهُٓ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ
مِن دُونِ اللَّهِ لَن يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوْ اجْتَمَعُوا لَهُ ۗ وَإِن يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ
شَيْئًا لَا يَسْتَنْقِذُوهُ مِنْهُ ضَعُفَ الطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ﴾

(Al-Hajj 22: 73)

Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah yang lain daripada Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu daripada mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (daripada mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya).

Dalam ayat di atas, Allah S.W.T. menyingkapkan kelemahan tuhan-tuhan yang dijadikan sekutu bagi Allah S.W.T. oleh golongan musyrikin serta turut mencabar semua sembahannya mereka. Mengikuti ‘Abd al-Rahmān Hasan Ḥabannakah menyebutkan bahawa salah satu bukti lemahnya tuhan-tuhan yang mereka sembah ialah ia tidak mampu menjadikan sesuatu sekalipun yang sangat kecil seperti lalat. Bahkan mereka tetap tidak dapat menjadikan seekor lalat walaupun mereka semua bekerjasama untuk menciptanya.⁶⁹ Jika begitu halnya, bagaimana pula untuk mencipta sesuatu yang lebih besar daripada lalat. Bukan sekadar itu, mereka turut tidak mampu untuk mendapatkan kembali sesuatu yang diambil oleh lalat tersebut.⁷⁰

AL-ḤADHF⁷¹

Al-Ḥadhf dari segi bahasa bermaksud sesuatu yang putus hujungnya, dan dapat diertikan sebagai penghapusan dan pengguguran.⁷² Manakala

⁶⁹ ‘Abd al-Rahmān Hasan Ḥabannakah (1992), *Amthāl al-Qur’ān wa Ṣuwar min Adabih al-Rafī’*. Dimashq: Dār al-Qalam, h. 192.

⁷⁰ Muḥammad b. Abī Bakr b. Ayyūb b. Qayyim al-Jawziyyah (1986), *op. cit.*, h. 47.

⁷¹ Shaltāgh ‘Abūd (1993), *op. cit.*, h. 49.

menurut al-Fayyūmī, *al-ḥadhf* bermaksud meringkaskannya.⁷³ Oleh itu, *al-ḥadhf* ini bukan mengurangkan atau mencacatkan keindahan makna al-Quran tetapi gaya bahasa begini lebih meninggalkan kesan ke dalam jiwa pembaca dan pendengar al-Quran. Jika diamati, terdapat banyak bentuk *al-ḥadhf* (الحذف) yang terdapat dalam al-Quran. Antara bentuk-bentuk *al-ḥadhf* (الحذف) dalam al-Quran:

a. Peringatan Dan Kegembiraan

Terdapat keadaan-keadaan tertentu yang mana penyampai tidak mampu mengungkapkan kesemua patah kalimahnyanya kerana ketakutan atau dalam keadaan penyampai ghairah untuk menyampaikan sesuatu dalam masa yang singkat. Hal yang sedemikian terdapat dalam al-Quran sepertimana firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

﴿فَقَالَ هُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيِيهَا﴾

(Al-Syams 91: 13)

Maka berkatalah Rasul Allah (Nabi Saleh A.S.) kepada mereka: “(Janganlah kamu ganggu) unta betina daripada Allah itu, dan (janganlah kamu menyekatnya daripada mendapat) air minumannya (supaya kamu tidak ditimpa azab)!.

Dalam ayat di atas, terdapat perbuatan yang telah dibuang iaitu memberi peringatan dan menjaga minuman. Di sini Allah S.W.T. telah memberi peringatan kepada mereka supaya meninggalkan larangan Allah S.W.T. iaitu menyentuh unta Allah S.W.T. dan melaksanakan suruhan supaya menjaga minuman unta tersebut sebagai suatu kegembiraan yang ingin disampaikan iaitu terpelihara daripada azab Allah S.W.T..⁷⁴

b. Ketakutan Dan Kesamaran

Terdapat juga keadaan-keadaan tertentu yang mana ada sesuatu yang hendak disampaikan disebalik ketakutan dan kesamaran ialah untuk menunjukkan kebesaran dan kemuliaan Allah S.W.T.. Hal yang

⁷² Ibrāhīm Muṣṭafā (2010), *op.cit.*, j. 1, h. 162. Lihat juga ‘Alīb. Muḥammad al-Jurjānī (1405H), *op.cit.*, h. 114.

⁷³ Aḥmad b. Muḥammad ibn ‘Alī al-Fayyūmī (1987), *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Bayrūt: Maktabah Lubnān, h. 49.

⁷⁴ ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah (1996), *al-Balāghah al-‘Arabīyyah*. j. 1, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 495.

sedemikian terdapat dalam al-Quran sepertimana firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

﴿فَاتَّبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِ ۖ فَغَشِيَهُمْ مِّنَ اللَّيْلِ مَا غَشِيَهُمْ ۖ﴾

(Tāhā 20: 78)

Maka Firaun pun mengejar mereka bersama-sama dengan tenteranya, lalu dia dan orang-orangnya diliputi oleh air laut yang menenggelamkan mereka semuanya dengan cara yang sedahsyat-dahsyatnya.

Apa yang hendak diampaikan disebalik ketakutan dan kesamaran dalam ayat di atas ialah untuk menunjukkan kebesaran dan kemuliaan Allah S.W.T.. Menurut al-Zamakhsyari, ayat di atas termasuk dalam bab ringkasan dari keseluruhan kalimah yang memberatkan ungkapannya serta ia memberi makna yang banyak. Kalimah menenggelamkan (غشيهم) penuh dengan kesamaran. Bagaimana cara mereka ditenggelamkan, hanya Allah S.W.T. sahaja yang tahu.⁷⁵ Al-*Hadhf* dalam ayat di atas ialah ketakutan iaitu azab ditenggelamkan sesuai dengan kedegilan, kekufuran dan kesesatan mereka sebagai pengajaran kepada Bani Israil yang diselamatkan oleh Allah S.W.T. dari maut.

PENUTUP

I'jāz lughawī adalah sebahagian daripada *i'jāz* al-Quran yang pelbagai. Ia merangkumi sudut *naẓm* al-Quran, *uslūb*, *faṣāḥah* dan *balāghah* yang meliputi ilmu al-Bayān, ilmu al-Badī' dan ilmu al-Ma'ānī. Keunggulan dan kehebatan susunan al-Quran melangkaui kemampuan akal manusia. Cendekiawan bahasa juga turut kecundang. Keunikan al-Quran bukan terbina atas keindahan perumpamaannya, kiasannya, metaforanya dan sebagainya tetapi ia terbina atas al-Quran itu sendiri. Setiap huruf dalam al-Quran memiliki kehebatannya yang tersendiri. Inilah rahsia kehebatan al-Quran dan tidak sekali-kali Allah S.W.T. menurunkan al-Quran melainkan Dia yang Maha Mengetahui rahsia apa yang ada di langit dan di bumi. Pengkajian *i'jāz lughawī* membuktikan kemukjizatan al-Quran dan kebenaran risalah yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan seterusnya meningkatkan keimanan orang-orang yang berakal.

⁷⁵ Maḥmūd b. 'Amr al-Zamakhsarī (1407H), *Tafsīr al-Kashshāf 'an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl*, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h.78.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'ān al-Karīm.

‘Abd al-Azīm Ibrāhīm Muḥammad al-Muṭ’ī (1996), *Dirāsah al-Jadīdah fī I’jāz al-Qur’ān*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq (2003), *‘Ilm al-Badī’*, Bayrūt: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.

‘Abd al-Qāhir b. ‘Abd al-Raḥmān al-Jurjānī (1998), *Dalāil al-I’jāz*, Bayrūt: Dār al-Ma’rifah.

_____ (1998), *al-Miftāḥ fī al-Ṣarf*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.

‘Abd al-Raḥmān b. al-Kamāl al-Suyūṭī (1987), *al-Muḥḥir fī ‘Ulūm al-Lughah wa Anwā’ihā*, Bayrūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.

_____ (t.th), *Mu’tarik al-Aqrān fī I’jāz al-Qur’ān*, Bayrūt: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah (1996), *al-Balāghah al-‘Arabiyyah*, Dimashq: Dār al-Qalam.

_____ (1992), *Amthāl al-Qur’ān wa Ṣuwar min Adabih al-Rafī’*, Dimashq: Dār al-Qalam.

Abu Abdullah Hanafī Hj. Dollah (2009), *Kamus al-Khalil*, Selangor: Pustaka Ilmiah al-Khalil.

Abū al-Ḥusayn Aḥmad b. Fāris (1993), *al-Ṣāhibī fī Fiqh al-Lughah*, Bayrūt: Maktabah al-Ma’ārif.

Aḥmad al-Hāshimī (2008), *Jawāhīr al-Balāghah fī al-Ma’ānī wa al-Bayān wa al-Badī’*, Bayrūt: Muassasah al-Ma’ārif.

Aḥmad b. Muḥammad b. ‘Alī Al-Fayyūmī (1987), *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Bayrūt: Maktabah Lubnān.

- ‘Alī b. Muḥammad al-Jurjānī (1405H), *al-Ta’rīfāt*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Al-Ḥusayn b. Muḥammad al-Rāghib al-Aṣḥāhānī (1997), *Mufradāt Alfāz al-Qur’ān*, Dimashq: Dār al-Qalam.
- Amīn Bakrī (1979), *al-Ta’bīr al-Fannī fī al-Qur’ān*, Bayrūt: Dār al-Shurūq.
- Faḍl Ḥasan ‘Abbās (2006), *I’jāz al-Qur’ān al-Karīm*, ‘Ammān: Dār al-Furqān.
- _____ (2000), *al-Balāghah Funūnuhā wa Afnānuhā ‘Ilm al-Bayān wa al-Badī’*, ‘Ammān: Dār al-Furqān.
- Haji Muhammad Nor b. Hj. Ibrahim (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, Edisi Ke-6, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ḥamdān Naqīr (1991), *al-Zāhirah al-Jamāliyyah fī al-Qur’ān al-Karīm*, Jeddah: Dār al-Manārah.
- Hasbi al-Shiddiqi (1966), *Mu’jizat al-Qur’an*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Ibrāhīm Muṣṭafā (2010), *al-Mu’jam al-Wasīṭ*, al-Qāhirah: Dār al-Da’wah.
- Karīm al-Sayyid Ghanīm (1995), *al-Ishārāt al-‘Ilmiyyah fī al-Qur’ān al-Karīm*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Maḥmūd b. ‘Amr al-Zamakhsharī (1407H), *Tafsīr al-Kashshāf ‘an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Mamdūḥ Ḥaqqī (1973), *al-Mathal al-Muqāran Bayn al-‘Arabiyyātwa al-Injlīziyyāt*, Bayrūt: Dār al-Najāh.
- Mannā’ al-Qaṭṭān (2000), *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, al-Riyād: Maktabah al-Ma’ārif.
- Md. Nor Abdullah (2009), *Haiwan dalam al-Quran al-Karim: Tinjauan Aspek Etimologi Bahasa dan Mukjizat*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muḥammad al-Ḥasnawī (2000), *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, 'Ammān: Dār 'Ammār.
- Muḥammad b. 'Abd Allāh al-Ḥākīm al-Naysābūrī (1990), *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muḥammad 'Abd al-'Aẓīm al-Zarqānī (1998), *Manāhil al-'Urfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Muḥammad b. Abī Bakr al-Rāzī (1995), *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*, Bayrūt: Maktabah Lubnān.
- Muḥammad b. Abī Bakr b. Ayyūb b. Qayyim al-Jawziyyah (1986), *al-Amthāl fī al-Qur'ān al-Karīm*, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Muḥammad b. 'Alī al-Ṭaḥānawī (1996), *Mawsū'ah Kashshāf Iṣṭilāḥ al-Funūn wa al-'Ulūm*, Bayrūt: Maktabah Lubnān.
- Muḥammad b. Mukarram b. Manẓūr al-Afriqī al-Miṣrī (1993), *Lisān al-'Arab*, Bayrūt: Muassasah al-Tāriḫ al-'Arabī.
- Muḥammad b. Sa'd al-Dīn al-Qazwīnī (1998), *al-Īdāḥ fī 'Ulūm al-Balāghah*, Bayrūt: Dār Iḥyā' al-'Ulūm.
- Muhammad Chirzin (1999), *al-Quran dan Uhumul Quran*, Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1990), *Kamus Idris al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Munif Zahiruddin (2004), *Balaghah Dalam Wacana al-Quran*, The Malaysian Journal Of Language And Communication.
- Muṣṭafā Ṣadiq al-Rāfi'ī (1997), *I'jāz al-Qur'ān wa al-Balāghah al-Nabawiyyah*, Manṣūrah: Maktabah al-Fayyād.
- Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi (2000), *I'jāz al-Qur'ān al-Bayānī wa Dalāil Maṣdarihi al-Rabbānī*, 'Ammān: Dār 'Ammār.
- Salīm Makram 'Abd al-'Āl (2001), *al-Tarāduf fī al-Ḥaql al-Qur'ānī*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.

Sayyid Quṭb (1988), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, al-Qāhirah: Dār al-Shurūq.

Shaltāgh 'Abūd (1993), *al-I'jāz al-Qur'ānī Uslūban wa Maḍmūman*, Bayrūt: Dār al-Murtaḍā.

Taufiq Adnan Amal (2001), *Rekontruksi Sejarah al-Qur'an*, Yogyakarta: FkBA.

Wahbah al-Zuḥaylī (1991), *Tafsīr al-Munīr fī al-Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, Bayrūt: Dār al-Fikr.